

Gabungan Pelajar-pelajar Melayu Semenanjung:

Menganjurkan Kelas-kelas Bahasa Melayu

“Tanah air kita, Semenanjung Tanah Melayu hari ini berada dalam masa perubahan, perubahan yang sebesar-besarnya. Kita dengan tidak ragu-ragu lagi akan memutuskan belenggu penjajahan dan hidup lepas-bebas. Tegasnya negara kita akan merdeka pada 31 Ogos 1957 - tahun ini. Apakah kemerdekaan bererti daripada hidup menderita, terus menjadi mewah senang, daripada miskin bertukar menjadi kaya, daripada bodoh menjadi pandai? Tidak, tentu sekali tidak, bahkan harus terjadi sebaliknya jika kita kurang berhati-hati. Dalam membawa negara kita kepada arah kemuliaan ini tiap-tiap umat tanah air - orang tua-orang tua, pemimpin-pemimpin, kaum ibu, pemuda-pemuda dan seterusnya pelajar-pelajar - adalah bertanggungjawab”. Kata surat siaran “Gabungan Pelajar-pelajar Melayu Semenanjung” yang menganjurkan ahli-ahlinya supaya membuka kelas-kelas dewasa di tempat-tempat masing-masing bagi membasmi buta huruf dan mengajarkan bahasa Melayu kepada orang-p\orang asing, seperti yang kami turunkan patinya di bawah ini. P. Q

Apakah Tanggungjawab Pelajar-pelajar?

Tanggungjawab pelajar-pelajar adalah tersimpul kepada:

1. Menyesuaikan dirinya dengan memenuhi segala kewajipan pelajaran-pelajarannya supaya ia boleh berkata kepada dirinya: “Aku Pelajar Tanah Air”.
 2. Membantu mereka yang tidak beruntung - orang-orang dewasa - dalam mendapatkan pelajaran dengan mengajar mereka menulis dan membaca.
 3. Menegakkan mutu bahasa dan menyebarkannya dengan seluas-luasnya supaya ini benar-benar menjadi bahasa rasmi yang berdaulat dalam negara.
- Jika di negara-negara Filipina, India dan Indonesia penuntut-penuntutnya ditugaskan pergi ke ceruk-ceruk kampung untuk mengajar menulis membaca kepada orang-orang dewasanya maka kenapakah kita tidak sanggup berbuat demikian dengan secara sukarela??

Kelas Bahasa Melayu

Setelah dihuraikan cara menjalankan kelas-kelas dewasa dan cara mengadakan majlis-majlis ceramah dan darjah-darjah buta huruf, maka Gabungan Pelajar-pelajar Melayu Semenanjung menggalakkan ahli-ahlinya membuka kelas bahasa Melayu.

Tujuan besar mengadakan kelas ini - katanya - ialah bagi menyebarkan dengan seluas-luasnya bahasa Melayu - bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi tanah air. Bahasa Melayu, sebagaimana bahasa-bahasa dunia yang lain, mempunyai nahu yang tersendiri, susunan kata-kata yang tertentu dan bukan boleh diperkotak katikkan mengikut kehendak orang yang menuturkan bahasa itu sahaja. Kebanyakan orang-orang yang bukan Melayu tidak mengerti, dan adalah kewajipan kita untuk memberi mereka tahu. Darjah ini bukan sedikit ertinya dalam memperkukuhkan

perhubungan antarabangsa di dalam negeri kita ini dan juga untuk meninggikan mutu bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan tanah air.

Buku-buku

Setakat ini, ibu pejabat belum dapat memutuskan dan mencadangkan satu-satu buku daripada beberapa buku-buku “Belajar Bahasa Melayu” yang terdapat di kedai-kedai buku kita pada masa ini. Gunakanlah satu-satu buku yang dijangka baik dan bersesuaian dengan keadaan murid-murid.

Suatu jawatankuasa kecil bahagian pelajaran “Gapimas” yang terdiri daripada pelajar-pelajar Melayu yang mengkaji bahagian “pendidikan” di Universiti Malaya sedang berusaha untuk menghasilkan sebuah buku bahasa Melayu terkhas bagi bangsa-bangsa asing.

Ibu pejabat juga telah menyiapkan sebuah risalah “Panduan untuk Guru-guru yang Mengajar bahasa Melayu kepada Bangsa Asing” dan akan dikirimkan setelah sahaja siap dicetak.

Berhubunglah dengan persatuan-persatuan bangsa asing yang ada di tempat saudara dan terangkanlah cita-cita kita ini, mereka sudah tentu akan menyambutnya dengan gembira.


Sedikit Panduan

Sedikit panduan kepada ahli-ahli Gabungan dalam menubuhkan kelas dewasa:

1. Adakanlah dengan seberapa segeranya sebuah jawatankuasa kecil yang akan mengadakan: (a) majlis ceramah; (b) kelas buta huruf, (t) kelas bahasa Melayu.
2. Tiap-tiap cawangan ini pula hendaklah menyediakan jadual-jadual mereka yang tertentu. Misalnya kelas-kelas buta huruf atau bahasa: guru-gurunya - sukatan pelajarannya termasuk masa dan buku-buku

- kelas-kelas: banyaknya, tempat dan murid-murid.

3. Berilah ibu pejabat tahu pada tiap-tiap akhir bulan hasil usaha kelas dewasa persatuan saudara, terangkan kesulitan-kesulitan yang dihadapi atau sesuatu cara yang telah menguntungkan dalam pengajaran segala-galanya ini akan disiarkan dalam siaran Warta Kompas “masyarakat” untuk menjadi panduan pula kepada ahli-ahli gabungan bilangan-bilangan.
4. Berilah siaran yang seluas-luasnya akan penubuhan kelas-kelas dewasa ini.



Agama Islam telah diisytiharkan menjadi agama rasmi negara Tanah Melayu yang akan mencapai kemerdekaan pada bulan Ogos 1957. Oleh itu jangan berlengah lagi daripada memasuki barisan persahabatan “Ikhwan” yang akan berusaha dengan sedaya upaya mempertahankan Islam dan kebudayaannya.

KESATUAN PENERBIT-PENERBIT MELAYU

Kesatuan Penerbit-penerbit Melayu dalam Mesyuarat Agung khasnya pada 2 hari bulan Mac, 1957 telah mengambil keputusan:

1. Menurut siaran akhbar, Dewan Bahasa dan Pustaka bercadang hendak mengadakan pameran buku-buku Indonesia. Sungguhpun Kesatuan Penerbit-penerbit Melayu berpendapat bahawa Dewan Bahasa dan Pustaka boleh berbuat atau menjalankan apa jua yang difikirkannya patut, tetapi langkah mengadakan pameran dan mengenalkan buku-buku Indonesia diawalkan atau ditamatkan daripada buku-buku Melayu sendiri, adalah dipandang sebagai sesuatu perkara yang merendah dan memandang kecil kepada adanya penerbitan-penerbitan Melayu. Langkah yang demikian ini adalah sangat-sangat didukacitakan dan penerbit-penerbit Melayu terasa bahawa penerbit-penerbit Melayu dikebelakangan sedang usaha penerbitan orang luar diutamakan.
2. Telah mengkaji dengan saksama tentang kedudukan Dewan Bahasa dan Pustaka yang pada mulanya timbul daripada Kongres Bahasa Inggeris yang ketiga, yang didokong oleh penerbit-penerbit Melayu daripada mula-mula ditubuhkan bersama-sama dengan ahli bahasa Melayu, dan sesudah melihat dengan nyata bahawa timbul bayangan-bayangan sesudah berdiri Dewan Bahasa dan Pustaka itu, nampaknya tidak ada menghulurkan suatu langkah memberi kerjasama dengan penerbit-penerbit Melayu yang telah menghantarkan memorandumnya kepada

Kongres Bahasa yang ketiga, maka Kesatuan Penerbit-penerbit Melayu melihat langkah itu seakan-akan jasa dan usaha penerbit-penerbit dalam perkembangan bahasa sebelum berdiri Dewan Bahasa dan Pustaka itu telah di belakangkan dan nampaknya tidak berapa diendahkan lagi. Bukti-bukti banyak dilihat daripada perkara-perkara yang zahir dikerjakan dan diusahakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka itu yang melangkah seolah-olah memonopoli penerbitan-penerbitan Melayu untuk masa yang akan datang.

3. Tatkala memandang bahawa Dewan Bahasa dan Pustaka itu tumbuh sesudah Kongres Bahasa yang ketiga dan salah satu tugas yang dikehendaki dan diberi kepada Dewan Bahasa dan Pustaka itu bekerjasama dengan penerbit-penerbit Melayu, maka Kesatuan Penerbit-penerbit Melayu berharap supaya jawatankuasa tetap kongres yang ditugas menjalankan keputusan-keputusan kongres memandu, memperingatkan dan memberi teguran-teguran supaya dasar-dasar Dewan Bahasa dan Pustaka itu tidak terpesong daripada keputusan-keputusan kongres iaitu mengutamakan segala kerja-kerja dan usaha-usahnya lebih rapat kepada usaha-usaha bangsa Melayu, lebih mengutamakan usaha-usaha bangsa Melayu dan menjalankan kerjasama dengan penerbitan Melayu - tidak menumpukan segala perhatian dan usahanya lebih mengutamakan membuat kerja-kerja sendiri yang bolehlah disifatkan sebagai memonopoli pekerjaan penerbitan-penerbitan, yang dengannya sendiri melambat dan